

KENYATAAN MEDIA

17 FEBRUARI 2023

**Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)**
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Perlantikan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga (ST) Baharu

Putrajaya, 17 Februari 2023 – Suruhanjaya Tenaga (ST) hari ini mengumumkan perlantikan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga yang baharu, Tuan Mohammed Rashdan bin Mohd. Yusof, berkuatkuasa 15 Februari 2023 menggantikan Dato' Azian bin Osman yang perkhidmatannya berakhir pada 14 Februari 2023. Perlantikan ini atas persetujuan YAB Perdana Menteri.

Tuan Mohammed Rashdan bin Mohd. Yusof berkelulusan Sarjana Ekonomi dengan kepujian (MA Hons, Cantab), University of Cambridge.

Beliau telah memulakan kerjaya sebagai seorang akauntan di PricewaterhouseCoopers (PwC) pada tahun 1992. Beliau mempunyai pengalaman yang luas di dalam sektor ekonomi dan juga pengurusan syarikat, terutama dalam bidang penstruktur semula korporat dan perbankan pelaburan (*investment banking*). Beliau kini berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda Berhad sejak 2018. Selain itu, beliau pernah menjadi Pengarah Urusan di QuantePhi Sdn Bhd selama 6 tahun bermula pada tahun 2012, Pengarah Eksekutif Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad selama 2 tahun bermula 2010 dan juga

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli Lembaga Pengarah di Maybank Investment Bank selama 2 tahun dari tahun 2008.

ST mengalu-alukan kepimpinan Tuan Mohammed Rashdan bin Mohd. Yusof agar membawa agenda ST ke tahap yang lebih tinggi. ST juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan Pengurus ST, Dato' Azian bin Osman sepanjang tempoh perkhidmatan beliau dari 8 Mei 2020 hingga 14 Februari 2023. Sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Pengurus ST, beliau telah banyak memberi sumbangan dari segi pengalaman dan idea berasas yang cukup berguna dalam mencapai aspirasi, visi dan misi ST.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/011-28866271 (Hazwani)/018-3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.